

PENIPUAN MENGUNDANG PADAH

Zuramaznum Sainan¹, Alizah Ali²

¹Fakulti Undang-Undang, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat

²Fakulti Undang-Undang, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat

* zuram778@uitm.edu.my

* aliza941@uitm.edu.my

Sudah menjadi trend bagi para usahawan, tidak kira yang membuat perusahaan secara kecil-kecilan, sederhana, mahupun usahawan mega untuk menggunakan khidmat artis dan selebriti serta individu berpengaruh di media sosial (*social media influencer*) sebagai pelaris jualan produk mereka. Setiap hari ada sahaja artis atau selebriti yang mempromosikan barangan untuk dijual. Bermula daripada produk kosmetik, pakaian, makanan sehinggalah kepada produk pelangsing badan dan kecantikan.

Sebagai pelaris produk, artis ini akan menggunakan kelebihan dan kecantikan yang dimiliki secara semulajadinya untuk melariskan produk jualan. Ironinya, maklumat yang disampaikan oleh artis ini akan terus sampai ke mata hati pengguna dek kerana terpedaya dengan kesan penggunaan produk jualan tadi. Melalui kaedah promosi ini, jualan produk akan meningkat berkali ganda dan usahawan produk pula akan mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda.

Pun begitu, apa yang menjadi persoalan perundangan ialah, adakah cara mereka ini boleh membawa kepada kesalahan penipuan (fraud) di dalam kontrak jual beli diantara penjual dan pembeli? Adakah iklan yang mereka lakukan tersebut menjadi satu kesalahan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) yang melibatkan kesalahan di bawah iklan yang mengelirukan dan seterusnya boleh dianggap menipu?

Sebagai contoh, artis yang memang asalnya berkulit cantik, mulus dan gebu telah menjadi duta dan mempromosikan produk kecantikan. Hakikatnya, beliau sendiri tidak pernah menggunakan produk yang dipromosikan. Representasi ini dianggap berjaya sekiranya pengguna terpengaruh dan membeli produk ini. adakah ini dianggap satu penipuan?

Apa yang lebih mengelirukan apabila ada artis yang mempromosikan lebih daripada satu produk dalam rangkaian barangan yang sama. Contohnya terdapat seorang artis yang telah berjaya mengubah kulit wajah dan tubuh badan menjadi lebih cerah, putih dan gebu daripada yang sebelumnya. Maka, berduyun usahawan produk kecantikan daripada jenama yang berbeza datang untuk mendapatkan khidmat artis ini. Ini ternyata sesuatu yang mengelirukan dan berlaku representasi palsu mengenai produk yang diiklankan

Iklan yang sedemikian adalah mengelirukan. Malahan sekiranya artis tersebut telah membuat satu pernyataan palsu yang menjanjikan keberkesanan produk tersebut, ianya dianggap sebagai penipuan di dalam kontrak. Ini berdasarkan Seksyen 8 (a) Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) yang mentakrifkan perkataan palsu sebagai: "*palsu*", "*mengelirukan*" atau "*memperdaya*", *berhubung dengan perlakuan, representasi atau amalan, termasuklah perlakuan, representasi atau amalan yang boleh menyebabkan seseorang pengguna melakukan kesilapan.*

Artis yang membuat pernyataan palsu boleh dikatakan telah melakukan kesalahan dibawah Seksyen 10 (1) Akta 599 yang menyatakan;

Tiada seorang pun boleh membuat representasi palsu atau mengelirukan— (a) bahawa barang itu adalah daripada jenis, standard, kualiti, gred, kuantiti, komposisi, gaya atau model tertentu;

(b) bahawa barang itu mempunyai sejarah tertentu atau kegunaan terdahulu yang tertentu;

Dalam masa yang sama, usahawan atau pengeluar produk tersebut juga dianggap telah melakukan kesalahan di bawah Akta berkenaan di bawah Seksyen 9, yang memperuntukkan:

Tiada seorang pun boleh melibatkan diri dalam perlakuan yang —

berhubung dengan barang, adalah mengelirukan atau memperdayakan, atau mungkin mengelirukan atau memperdayakan, orang ramai mengenai sifat, proses pengilangan, ciri-ciri, kesesuaian bagi sesuatu maksud, kebolehan untuk mendapatkan atau kuantiti, barang itu;

Justeru, usahawan yang menjual produknya dan artis yang membuat representasi palsu atau mengelirukan, kedua-duanya boleh disabitkan kesalahan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang menetapkan hukuman denda antara RM50,000 hingga RM1 juta dan penjara antara tiga hingga lima tahun.

Seksyen 145 (1) Akta 599 memperuntukkan:

Mana-mana orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini ...boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali yang kedua atau kali kemudiannya boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kesimpulannya, tidak menjadi suatu kesalahan bagi para usahawan untuk mengiklankan barangan jualan mereka dengan menggunakan perkhidmatan artis, selebriti media sosial berpengaruh (*social media influencer*) atau artis terkenal (*Instafamous*). Namun kejujuran dalam representasi iklan berkenaan mestilah di ambil berat supaya ianya tidak menjadi representasi palsu yang mengelirukan dan seterusnya dianggap sebagai suatu penipuan. Ketidakjujuran dalam pengiklanan akan membawa padah.

Artis yang membuat pernyataan palsu boleh dikatakan telah melakukan kesalahan dibawah Seksyen 10 (1) Akta 599 yang menyatakan;

Tiada seorang pun boleh membuat representasi palsu atau mengelirukan— (a) bahawa barang itu adalah daripada jenis, standard, kualiti, gred, kuantiti, komposisi, gaya atau model tertentu;
(b) bahawa barang itu mempunyai sejarah tertentu atau kegunaan terdahulu yang tertentu;